

31 DEC 2003

Tahun Baru-Sambutan/I

BERIBU-RIBU RAKYAT MALAYSIA SAMBUT KETIBAAN 2004

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Beribu-ribu rakyat Malaysia membanjiri beberapa lokasi di ibu kota malam ini bagi menyambut kedatangan Tahun Baru 2004.

Jalan-jalan di beberapa lokasi di mana sambutan diadakan ditutup bagi membolehkan warga kota berpesta manakala konsert yang dijayakan artis-artis popular Malaysia memeriahkan sambutan sehingga tepat tengah malam.

Acara mengira detik kedatangan 2004 diadakan di beberapa lokasi, dengan Dataran Merdeka menjadi tumpuan apabila lebih 100,000 orang berkumpul di tapak bersejarah itu bagi menyambut Tahun Baru.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga mempunyai aturcara yang sibuk, dengan kemunculan pertamanya sebagai Perdana Menteri pada sambutan Tahun Baru, untuk bersama-sama rakyat menyambut ketibaan 2004.

Abdullah, yang mengambil alih kepimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt, menghadiri konsert Tahun Baru di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), yang menempatkan Menara Berkembar Petronas, iaitu struktur kedua tertinggi di dunia.

Selepas meluangkan kira-kira 50 minit di sana, Perdana Menteri kemudiannya beredar ke Dataran Merdeka di mana beliau turut menunggu sehingga acara mengira detik ketibaan 2004.

Percikan bunga api menerangi ruang angkasa ibu kota selepas tengah malam, dengan lalu lintas terhenti di kebanyakan jalan menuju ke arah dan keluar dari pusat bandaraya memandangkan banyak pengguna jalan raya meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan raya untuk menyaksikan pertunjukan bunga api.

Di KLCC, sambutan bertemakan "Countdown@KLCC 2004" dianjurkan dengan konsert terbuka yang menampilkan artis-artis popular Malaysia, persembahan tarian dan lawak jenaka.

Konsert itu, yang bermula kira-kira 8.45 malam, dijayakan artis-artis terkenal tanah air seperti M. Nasir, Ella, Noraniza Idris dan Senario. Turut disiarkan ialah lintas langsung menerusi skrin gergasi persembahan penyanyi Siti Nurhaliza yang mengadakan pertunjukan di Pulau Pangkor.

Kemuncak sambutan di KLCC ialah pertunjukan bunga api selama tujuh minit yang mengemukakan teknik terbaru "pyrotechnic effects", dengan berlatarbelakang Menara Berkembar Petronas.

Di Dataran Merdeka, kumpulan penari dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengambil tempat di pentas dengan persembahan lagu-lagu dan tarian tradisional.

Pertunjukan "Fiesta Harmoni 2004" itu dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Tindakan Pelancongan Kuala Lumpur serta ditaja oleh Kumpulan Ambank. Antara artis yang membuat persembahan ialah Tan Sri S. M. Salim, Kumpulan KRU dan Zainal Abidin.

Sementara itu, sambutan Tahun Baru di Bukit Bintang, bermula dengan temasya jalanan mulai pukul 6.30 petang.

Sambutan yang berlangsung di Sungai Wang Plaza itu termasuk persembahan kebudayaan oleh kumpulan budaya DBKL, Lee Wei Song School of Music dan persembahan tarian naga oleh Tarian Naga Na Tok Kong.

Artis yang mengadakan persembahan di sini termasuk Kit Chan, Seven, Nicholas Teo, Johnson Low, Tan Yi Yi dan the Mumsters.

Di The Mines Resort City, yang terletak kira-kira 10km di selatan Kuala Lumpur, sambutan yang serupa juga diadakan dengan diserikan persembahan

drama muzikal yang unik berjudul "Journey to the West".

Turut diadakan ialah majlis penyampaian hadiah Pertandingan Nyanyian Lagu-lagu Patriotik dan "Battle of the Bands" anjuran Persatuan Syarikat Rakaman Bumiputra Malaysia.

Pertunjukan bunga api juga memeriahkan sambutan di sini.

Sambutan yang sama juga diadakan di Berjaya Times Square, Bangsar, Sri Hartamas, Mont Kiara, Sunway Resort dan Stadium Merdeka.

-- BERNAMA

SR HS ROS